

Diterbitkan oleh:  
UNISSA Press  
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu  
BE 1310, Gadong  
Negara Brunei Darussalam

© Abdurrahman Raden Aji Haqqi 2015

Cetakan Pertama 2015

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

ISBN 978-99917-65-35-8 (Kulit Keras)

ISBN 978-99917-65-36-5 (Kulit Lembut)

Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar:  
EZY Printing Services and Trading Company Sdn Bhd  
Negara Brunei Darussalam

Dicetak oleh:  
EZY Printing Services and Trading Company Sdn Bhd  
Negara Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

# INDIVIDU ULUL ALBAB PAKAR RUJUK MASYARAKAT

## Kandungan

PENDAHULUAN.....	v
Al-Quran Asas Bentuk Masyarakat Madani .....	2
Dalil Syarak Pedoman Fahami Al-Quran.....	7
Merealisasikan Konsep 'Tawasau Bilhaq'.....	12
Seleweng Maksud Al-Quran Punca Islamofobia .....	17
Al-Quran Sebagai Panduan Kajian Sains .....	22
Individu Ulul Albab Pakar Rujuk Masyarakat .....	27
Israk Mikraj Mukjizat Paling Menonjol .....	32
Rasional Akal Tak Boleh Tandingi Wahyu.....	37
Insan Muhsin Mudah Dapat Rahmat.....	42
Islam Agama Realistik Bukan Khayalan .....	48
Fahaman Sempit Calar Imej, Maruah Islam .....	53
Tasawuf Imbangi Keharmonian Hidup .....	58
Doa Didik Diri Sentiasa Sabar.....	63
Selawat Lahir Nilai Spiritual Kerohanian.....	67
Pemikiran Hebat, Berzikir Mesti Saling Melengkapi .....	72
Sifat Tercela Musuh Utama Manusia .....	77
Manfaat Ajaran Nabi Tangani Islamofobia.....	82
Agama Larang Aniaya, Ganas Sesama Manusia .....	87
Haji Mercu Tanda Kekayaan Umat Islam.....	92
Semangat Korban Elok Jadi Amalan.....	97
Mahasiswa Beriman Lahir Pemimpin Pendakwah .....	102
Perubahan Sikap Bantu Capai Kejayaan Hakiki.....	107
Membina Tamadun Masa Depan Lebih Gemilang .....	112
Teknologi Moden Saluran Baru Untuk Berdakwah.....	117
Barat Cuba Halang Kebangkitan Islam.....	122
Menolak Tanggapan Barat Perintis Perubahan Moden.....	127
Mewujud Kedamaian Antara Islam, Barat .....	132
Dunia Tanpa Islam Hanya Ilusi Barat .....	137
Perbezaan Ijtihad Boleh Ubah Hukum.....	143
Kemudahan Dalam Islam Wajar Dihayati.....	148
Lima Sebab Mazhab Shafi'i Terus Bertahan .....	153
Dalil Istishab Selesai Masalah Ibadat Puasa .....	158

<b>Mazhab <i>Malizi</i> Perkasa Kewangan Islam</b> .....	163
<b>Ijtihad Penasihat Syariah Membentuk Tajdid</b> .....	168
<b>Kaedah Syarak Penawar Sakit Jasmani</b> .....	173
<b>Psikologi Syariah Wajar Diterap Dalam Kajian Umat</b> .....	178
<b>Negara Islam Dibentuk Berlandaskan Akidah</b> .....	184
<b>Takrifan <i>Ahl al'Halli Wa al-'Aqdi</i> Menurut Ulama</b> .....	189
<b><i>Baiat</i> Jadi Penyumbang Kestabilan Politik</b> .....	194
<b>Tradisi Islam Dalam Kesultanan Melayu</b> .....	199
<b>Pertahan Nikmat Kemerdekaan Dengan Kesabaran</b> .....	203
<b>Hanya Iman Dapat Selesai Konflik Palestin</b> .....	208
<b>Ekonomi Islam Perlu Utamakan Inovasi</b> .....	213
<b>Kemiskinan Jejas Kesejahteraan Ummah</b> .....	218
<b>Zakat Berkesan Basmi Kemiskinan</b> .....	223
<b>Islam Tuntut Petani Lakukan Anjakan Paradigma Pertanian</b> .....	228
<b>Wakaf menjana ekonomi berorientasi akhirat</b> .....	233
<b>Budaya Keintelektualan Islam Semakin Subur</b> .....	238
<b>Buku, Penulisan Abadikan Ilmu</b> .....	243
<b>Konsep Kesyumulan Islam Terserlah Di Malaysia</b> .....	248
<b>BAHAN BACAAN</b> .....	253

## **PERTAMA: AL-QURAN DAN TAFSIR**

1. Al-Quran Asas Bentuk Masyarakat Madani
2. Dalil Syarak Pedoman Fahami Al-Quran
3. Merealisasikan Konsep `Tawasau Bilhaq'
4. Seleweng Maksud Al-Quran Punca Islamofobia
5. Al-Quran Sebagai Panduan Kajian Sains
6. Individu Ulul Albab Pakar Rujuk Masyarakat
7. Israk Mikraj Mukjizat Paling Menonjol
8. Rasional Akal Tak Boleh Tandingi Wahyu
9. Insan Muhsin Mudah Dapat Rahmat

## **KEDUA: AGAMA, UMAT DAN DAKWAH**

10. Islam Agama Realistik Bukan Khayalan
11. Fahaman Sempit Calar Imej, Maruah Islam
12. Tasawuf Imbangi Keharmonian Hidup
13. Doa Didik Diri Sentiasa Sabar
14. Selawat Lahir Nilai Spiritual Kerohanian
15. Pemikiran Hebat, Berzikir Mesti Saling Melengkapi
16. Sifat Tércela Musuh Utama Manusia
17. Manfaat Ajaran Nabi Tangani Islamophobia
18. Agama Larang Aniaya, Ganas Sesama Manusia
19. Haji Mercu Tanda Kekayaan Umat Islam
20. Semangat Korban Elok Jadi Amalan
21. Mahasiswa Beriman Lahir Pemimpin Pendakwah
22. Perubahan Sikap Bantu Capai Kejayaan Hakiki
23. Membina Tamadun Masa Depan Lebih Gemilang
24. Teknologi Moden Saluran Baru Untuk Berdakwah
25. Barat Cuba Halang Kebangkitan Islam
26. Menolak Tanggapan Barat Perintis Perubatan Moden
27. Mewujud Kedamaian Antara Islam, Barat
28. Dunia Tanpa Islam Hanya Ilusi Barat

## **KETIGA: FEKAH DAN UNDANG-UNDANG**

29. Perbezaan Ijtihad Boleh Ubah Hukum
30. Kemudahan Dalam Islam Wajar Dihayati
31. Lima Sebab Mazhab Shafie Terus Bertahan
32. Dalil Istishab Selesai Masalah Ibadat Puasa
33. Mazhab Malizi Perkasa Kewangan Islam
34. Ijtihad Penasihat Syariah Membentuk Tajdid
35. Kaedah Syarak Penawar Sakit Jasmani

36. Psikologi Syariah Wajar Diterap Dalam Kajian Umat

#### **KEEMPAT: POLITIK, EKONOMI, DAN BUDAYA**

37. Negara Islam Dibentuk Berlandaskan Akidah
38. Takrifan *Ahl Al-Halli Wa Al-'Aqdi* Menurut Ulama
39. Baiat Jadi Penyumbang Kestabilan Politik
40. Tradisi Islam Dalam Kesultanan Melayu
41. Pertahan Nikmat Kemerdekaan Dengan Kesabaran
42. Hanya Iman Dapat Selesai Konflik Palestin
43. Ekonomi Islam Perlu Utamakan Inovasi
44. Kemiskinan Jejas Kesejahteraan Ummah
45. Zakat Berkesan Basmi Kemiskinan
46. Islam Tuntut Petani Lakukan Anjakan Paradigma
47. Wakaf Menjana Ekonomi Berorientasi Akhirat
48. Budaya Keintelektualan Islam Semakin Subur
49. Buku, Penulisan Abadikan Ilmu
50. Konsep Kesyumulan Islam Terserlah Di Malaysia

## PENDAHULUAN

Perkataan "ulu" (sama dengan 'zawu', jamak 'zu') dalam bahasa Arab mempunyai beberapa pengertian termasuk konotasi pemilikan atau kepunyaan yang dimanfaatkan atau banyak disebut dalam al-Quran. Yang menarik perhatian penulis adalah penggunaan al-Quran perkataan itu yang digandingkan dengan perkataan saling mempunyai hubung kait satu sama lain, antaranya kedekatan, tali persaudaraan, berakal, berilmu, kuat, kekayaan, kekuasaan dan kelebihan akal.

Setidaknya kita mendapati dalam al-Quran kata-kata 'ulu' dan 'uli' diikuti 'al-qurba' (Surah al-Nisa: 8), 'al-amr' (Surah al-Nisa: 59), 'baqiyyah' (Surah Hud: 116), 'al-arham' (Surah al-Anfal: 75), 'al-nuha' (Surah Taha: 54, 128), 'al-'ilm' (Ali 'Imran: 18), 'al-ba's; ba's' (Surah al-Isra: 5; Surah al-Naml: 33), 'al-quwwah; quwwah' (Surah al-Qasas: 76; Surah al-Naml: 33), 'al-tawl' (Surah al-Taubah: 86); dan 'al-albab' yang disebut sebanyak 16 kali.

Ulul albab dengan *dammah* atau 'di depan' disebut tujuh kali iaitu dalam surah al-Baqarah: 269, Ali 'Imran: 7, al-Ra'du: 19, Ibrahim: 52, al-Zumar: 9, 18, Sad: 29, manakala Ulul Albab dengan *fathah* atau 'di atas' disebut sebanyak empat kali iaitu dalam surah al-Baqarah 179, 192, al-Maidah: 100; al-Talaq: 10; dan dengan *kasrah* atau 'di bawah' disebut lima kali iaitu dalam surah Ali 'Imran: 190, Yusuf: 111, Sad: 43, al-Zumar: 21, al-Mukmin: 54.

Ulul albab sebagai kelompok manusia yang dekat dengan Allah mempunyai dua karakter penting seperti disebutkan al-Quran iaitu karakter al-zikr (selalu ingat dan mengingati Allah) dan karakter al-tafakkur (selalu berfikir). Allah berfirman maksudnya: "*Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang yang berakal; (iaitu) orang yang menyebut dan mengingati Allah ketika mereka berdiri dan duduk dan ketika mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan mengenai kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab neraka."*"<sup>1</sup>

Perkataan di atas adalah sekelumit petikan daripada satu artikel yang dijadikan tajuk buku ini. Kesemua artikel dalam buku ini berjumlah 50 artikel yang telah diterbitkan oleh *Berita Minggu* selama tahun 2007-2008 dalam kolom penulis bertajuk 'Ulul Albab'.

---

<sup>1</sup> Surah Ali 'Imran: 190-91.

Buku ini juga dibahagikan kepada empat kategori iaitu al-Quran dan Tafsir; Agama, Umat dan Dakwah; Fekah dan Undang-Undang; dan Politik, Ekonomi dan Budaya seperti buku sebelumnya.

Semoga bermanfaat.

Abdurrahman Raden Aji Haqqi  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)  
Brunei Darussalam  
Jun 2015



## **PERTAMA: AL-QURAN DAN TAFSIR**

1. Al-Quran Asas Bentuk Masyarakat Madani
2. Dalil Syarak Pedoman Fahami Al-Quran
3. Merealisasikan Konsep `Tawasau Bilhaq`
4. Selewang Maksud Al-Quran Punca Islamofobia
5. Al-Quran Sebagai Panduan Kajian Sains
6. Individu Ulul Albab Pakar Rujuk Masyarakat
7. Israk Mikraj Mukjizat Paling Menonjol
8. Rasional Akal Tak Boleh Tandingi Wahyu
9. Insan Muhsin Mudah Dapat Rahmat

## Al-Quran Asas Bentuk Masyarakat Madani<sup>2</sup>

SATU daripada ciri masyarakat madani tercabar dengan tragedi menyayat hati yang menimpa seorang gadis comel dan tidak berdosa beberapa hari lalu. Dalam drama kehidupan nyata yang biadap, kejam dan tidak berperikemanusiaan itu, seluruh tonggak kehidupan manusia seperti tidak berfungsi sama sekali. Yang ada di hadapan kita adalah suatu pembunuhan tragis yang berlaku dan tidak boleh diputar balik terhadap Nurin Jazlin Jazimin, yang baru menghirup udara kehidupan lapan tahun itu.

Adik Nurin sudah disambut oleh bidadari, sebaliknya kita yang ditinggalkannya disambut oleh pelbagai pokok bidara yang memerlukan pelbagai penyelesaian.

Dalam tulisan ini, kita akan memahami istilah masyarakat madani seperti yang difahami oleh pemikir Barat iaitu takrifannya adalah sebuah masyarakat demokratik, menyedari hak dan kewajipannya dalam menyuarakan pendapat dan mewujudkan kepentingan mereka seperti kerajaan memberikan peluang yang seluas-luasnya bagi kreativiti warga negara untuk mewujudkan program pembangunan di wilayahnya.

Menurut Blakeley dan Suggate (1997), masyarakat madani sering digunakan untuk menjelaskan *the sphere of voluntary activity which takes place outside of government and the market*. Merujuk pada Bahmueller (1997), ada beberapa karakteristik masyarakat madani, antaranya:

1. Bersepadunya individu dan kelompok eksklusif ke dalam masyarakat melalui kontrak sosial dan pertubuhan sosial.
2. Tersebarnya kekuasaan sehingga kepentingan yang dominan dalam masyarakat dapat dikurangkan oleh kekuatan-kekuatan alternatif.
3. Dilengkapi program pembangunan yang dikuasai oleh negara dengan program pembangunan yang berasaskan masyarakat.
4. Terhubungnya kepentingan individu dan negara kerana keahlian pertubuhan sukarela memberikan kritikan terhadap keputusan kerajaan.
5. Tumbuh kembangnya kreativiti yang pada mulanya terhambat oleh rejim sistem pemerintahan parti tunggal.
6. Meluasnya kesetiaan (loyalty) dan kepercayaan (trust) sehingga individu mengakui kaitannya dengan orang lain dan tidak mementingkan diri sendiri.

---

<sup>2</sup> Berita Minggu, 30/9/07, hal. 15.

7. Adanya pembebasan masyarakat melalui kegiatan lembaga sosial dengan pelbagai ragam perspektif.

Kes Nurin mencabar karakteristik keenam daripada tujuh karakteristik di atas dalam suatu komuniti masyarakat madani yang sedang ditempuh bahkan ada juga sudah sampai oleh masyarakat antarabangsa hari ini.

Seandainya karakteristik kesetiaan dan kepercayaan sehingga individu mengakui kaitannya dengan orang lain dan tidak mementingkan diri sendiri, terbina dengan kukuh dalam masyarakat madani, mungkin setidak-tidaknya kes Nurin, bahkan pelbagai kejahatan dalam bentuk dan ragamnya tidak akan menonjol.

Menurut ajaran Islam, ia termasuk dalam konsep *tawasau bilhaq* atau saling menasihati dalam kebenaran yang menjurus kepada kaitan setiap individu dalam masyarakat agar mereka tidak hidup bersendirian dan mementingkan diri sendiri.

Masyarakat madani dalam literatur Barat digunakan buat pertama kalinya oleh Aristotle dari Greek ketika beliau menyifatkan 'kelompok politik yang tunduk kepada undang-undang'. Kemudian penggunaan istilah masyarakat madani dan mafhumnya mengalami pelbagai tafsiran sejak abad ke-17 hingga ke hari ini yakni daripada tafsiran pembebasan daripada kekuasaan gereja; pembebasan daripada kekuasaan kerajaan di mana kerajaan hanya diperakui sebagai pemudah cara aktiviti yang diinginkan masyarakat; hingga pembebasan daripada kekuasaan pimpinan puak dan orang tua.<sup>3</sup>

Bila kita kaji, menurut Edi Suharto (2002) dalam artikelnya 'Masyarakat Madani': Aktualisasi Profesionalisme, masyarakat di negara maju yang sudah boleh dikatakan sebagai masyarakat madani, maka ada beberapa prasyarat yang harus dipenuhi untuk menjadi masyarakat madani, yakni adanya kerajaan demokratik yang dipilih dan berkuasa secara demokratik dan masyarakat demokratik yang sanggup menjunjung nilai keselamatan awam; tanggungjawab awam dan daya bingkas awam.

Apabila dihuraikan dua kriteria berkenaan maka ia menjadi tujuh prasyarat masyarakat madani iaitu;

- Memenuhi keperluan dasar individu, keluarga dan kelompok dalam masyarakat.

---

<sup>3</sup> Rujuk Abdul Ghaffar Shukr (2005), *Nash'ah wa Tatawwur al-Mujtama' al-Madani*.

- Berkembang modal manusia (human capital) dan modal sosial yang kondusif bagi terbentuknya kemampuan melaksanakan tugas kehidupan dan terjalannya kepercayaan dan hubungan sosial antara kelompok.
- Tidak adanya diskriminasi dalam pelbagai bidang pembangunan; dengan erti kata lain terbukanya akses terhadap pelbagai layanan sosial.
- Adanya hak, kemampuan dan kesempatan bagi masyarakat dan badan sukarela untuk terbabit dalam pelbagai forum di mana isu-isu kepentingan bersama dan kebajikan awam dapat dikembangkan.
- Adanya pembauran antara kelompok masyarakat serta tumbuhnya sikap saling menghargai perbezaan antara budaya dan kepercayaan.
- Terselenggaranya sistem kerajaan yang memungkinkan lembaga ekonomi, undang-undang, dan sosial berjalan secara produktif dan berkeadilan sosial.
- Adanya jaminan, kepastian dan kepercayaan antara jaringan kemasyarakatan yang memungkinkan terjalannya hubungan dan komunikasi antara mereka secara teratur, terbuka dan dipercayai.

Tanpa prasyarat itu, maka masyarakat madani hanya akan berhenti pada slogan.

Dalam tulisan cendekiawan Muslim, masyarakat madani mempunyai konotasi lain. Menurut mereka, masyarakat madani dikaitkan dengan masyarakat yang dibangun dan dibina oleh Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi Wasallam* selama hampir 10 tahun di Madinah dengan persiapan 13 tahun di Makkah. Keberhasilan Baginda dalam tempoh berada di Makkah dengan memupuk dan memperkukuh kekuatan iman sahabat adalah benih kejayaan pembentukan masyarakat madani di Madinah.

Seperti kita maklum bahawa ketika Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi Wasallam* berhijrah ke Kota Yatsrib, Baginda merubah namanya menjadi Madinah al-Nabiyy atau Kota Nabi. Perubahan nama ini juga suatu pembaharuan dalam pemikiran sejarah bangsa Arab diislamkan Nabi dan ia juga menunjukkan Nabi seorang berpandangan luas dan mendahului zamannya.

Secara konvensional, perkataan '*madinah*' mempunyai erti sebagai 'kota'. Bagaimanapun, secara ilmu kebahasaan, perkataan itu mengandungi makna 'ketamadunan'. Dalam bahasa Arab, 'ketamadunan' dinyatakan dalam kata-kata '*madaniyah*' atau '*tamadun*', selain dalam kata-kata '*hadharah*'. Oleh itu, tindakan Nabi

mengubah nama Yatsrib menjadi Madinah, pada hakikatnya adalah sebuah pernyataan niat atau proklamasi, bahawa Baginda bersama sahabat yang terdiri daripada kaum Muhajirin dan kaum Ansar hendak mendirikan dan membangun masyarakat bertamadun.

Nabi menggunakan kata '*madinah*' yang bererti kota dan seandainya kita ingin menyifatkan sesuatu berkaitan dengan kota maka kita akan menggantikannya menjadi kata sifat dalam bahasa Arab iaitu '*madani*'. Ini bererti kata '*madani*' mempunyai pengertian bahawa sesuatu itu bersifat kekotaan di mana sudah tentu ia lebih maju daripada sesuatu yang kekampungan, '*qurawi*'. Bukankah ini menunjukkan kepada kita dan juga Barat bahawa Nabi dengan perubahan dan pemilihan nama itu ingin menjadikan umatnya sebagai umat yang moden yang memiliki sifat-sifat kekotaan yang cemerlang? Dan dalam kajian moden seperti yang dibincangkan di atas, masyarakat pimpinan Nabi di Madinah memenuhi kriteria pengertian masyarakat madani dalam fahaman pengkaji Barat.

Dalam Piagam Madinah sebagai bukti pelaksanaan cita-cita mendirikan masyarakat madani pada zaman Nabi disenaraikan beberapa perkara yang mesti dilaksanakan masyarakat Madinah secara keseluruhannya. Antara isi piagam berkenaan adalah persamaan, keadilan, pengakuan atas hak-hak dasar daripada suku yang terbabit, pengakuan hak individu, tolong-menolong, amar makruf nahi mungkar, saling nasihat menasihati, ukhuwah, kesetiaan, keamanan, perlindungan terhadap orang lemah, perlindungan terhadap orang Yahudi dan penghormatan atas hak-hak mereka, perpaduan dalam perdamaian, pertahanan negara tanggung jawab bersama, qisas, kebebasan beragama, cinta damai dan kepemimpinan.

Masyarakat madani pada zaman Nabi adalah masyarakat qurani yang; *"Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan."*<sup>4</sup> Dengan pengertian masyarakat taat ibadah, amar makruf dan nahi mungkar.

Masyarakat madani pada zaman Nabi adalah masyarakat qurani yang; *"...Kecuali orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka berpesan-*

---

<sup>4</sup> Surah al-Hajj: 41.

*pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.*"<sup>5</sup> Dengan pengertian masyarakat saling mengingatkan.

Masyarakat madani pada zaman Nabi adalah masyarakat qurani yang; *"Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka sembahlah kamu akan Daku."*<sup>6</sup> Dan juga *"... maka bertakwalah kamu kepada-Ku."*<sup>7</sup> Dengan pengertian masyarakat yang menyembah Allah *Subhanahu Wata'ala* dan takwa kepada-Nya.

Masyarakat madani pada zaman Nabi adalah masyarakat qurani yang; *"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan ke bahagian hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang berlimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan."*<sup>8</sup> Dengan pengertian masyarakat mengutamakan akhirat tanpa mengetepikan urusan keduniaan, berbuat ihsan dan tidak merosak.

Oleh itu, sempena memperingati peristiwa Nuzul al-Quran yang berlaku pada malam ketujuh belas Ramadan tahun pertama kenabian 1440 yang lalu kita dituntut untuk melaksanakan ajaran al-Quran dalam pembentukan, pembinaan dan pelaksanaan masyarakat madani agar kita akan mempunyai kelebihan daripada umat lain sebagai masyarakat awam yang Quranik.

*Ramadan Karim.*

---

<sup>5</sup> Surah al-Asr: 3.

<sup>6</sup> Surah al-Anbiya': 92.

<sup>7</sup> Surah al-Mukminun: 52.

<sup>8</sup> Surah al-Qasas: 77.

## Dalil Syarak Pedoman Fahami Al-Quran<sup>9</sup>

BERAPA banyakkah Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* menjelaskan maksud al-Quran kepada sahabat Baginda? Adakah Baginda menjelaskan semuanya seperti mana Baginda menyampaikan semua ayat itu atau hanya sebahagian kecil dan tidak menyeluruh?

Jawapan pada pertanyaan di atas iaitu ada berpendapat termasuk Ibn Taimiyyah bahawa Baginda menjelaskan semua makna al-Quran kepada sahabat sehingga tidak ada tertinggal seperti Baginda menyampaikan semua lafaz ayat al-Quran.

Bagaimanapun, pendapat kedua menyatakan bahawa Baginda tidak menjelaskan seluruh makna al-Quran, tetapi hanya sebahagian kecil yang diperlukan untuk umat manusia secara amnya. Pendapat kedua ini adalah pendapat al-Khubi, al-Suyuti dan lain-lain.

Kita tidak akan membincangkan hujah dan dalil kedua-dua pendapat terbabit tetapi kita boleh mencari jalan tengah di antara kedua-dua pendapat itu. Muhammad Hussein Al-Zahabi dalam kitabnya *al-Tafsir wa al-Mufasssirun* yang juga karya ilmiah untuk mendapatkan gelaran profesor di Universiti al-Azhar pada 1946 menyatakan: "Sesungguhnya Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* menjelaskan banyak makna al-Quran kepada sahabat seperti disahkan kitab hadis yang sahih tetapi tidak menjelaskan semua maknanya kerana ada sebahagian makna al-Quran hanya Allah *Subhanahu Wata'ala* mengetahuinya; ada yang boleh diketahui ulama; ada juga maknanya yang boleh dengan mudah difahami orang Arab kerana berbahasa Arab; dan ada juga makna al-Quran yang mesti diketahui oleh setiap manusia kerana bahasanya yang jelas sebagaimana dikatakan oleh Ibn Abbas dalam riwayat Ibn Jarir:

Tafsir mempunyai empat jenis: jenis yang khusus diketahui orang Arab; tafsir yang mesti diketahui oleh setiap orang; tafsir yang diketahui oleh ulama; dan tafsir yang hanya diketahui oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* saja.

Secara logik, Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* sememangnya tidak perlu menjelaskan ayat-ayat al-Quran yang sudah diketahui maknanya oleh orang Arab kerana al-Quran diturunkan dengan menggunakan bahasa mereka seperti nama buah dan haiwan. Baginda juga tidak perlu menjelaskan ayat-ayat al-Quran yang pengertiannya boleh difahami

---

<sup>9</sup> *Berita Minggu*, 17/6/07, hal. 15.

secara mudah, tidak memerlukan apapun penjelasan oleh seseorang seperti bilangan, arah Barat dan arah Timur.

Baginda juga tidak menjelaskan makna ayat-ayat al-Quran yang hanya diketahui oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* seperti bila terjadinya hari kiamat dan hakikat nyawa. Bagaimanapun, Baginda hanya menjelaskan kepada sahabat sebahagian perkara ghaib yang dibenarkan Allah *Subhanahu Wata'ala* untuk disampaikan dan juga perkara yang diketahui ulama menerusi ijthihad mereka seperti menjelaskan ayat-ayat al-Quran yang kabur maknanya, mengkhususkan yang umum dan menyelesaikan kemusykilannya. Jika kita mengatakan bahawa Baginda menjelaskan semua makna al-Quran kepada sahabat sudah pasti kita tidak akan menjumpai perbezaan tafsiran di kalangan mereka. Justeru, sebaliknya, kita mendapati dalam khazanah ilmu Islam perbezaan tafsiran oleh mereka mengenai satu-satu ayat.

Jika tafsir demikian adanya, dalam kategori terakhir ini yakni tafsir yang diketahui ulama menurut kajian ulama tafsir terdahulu dan terkemudian bahkan terbaru pun mempunyai beberapa cara tafsiran. Persoalannya, adakah mereka mentafsir al-Quran dengan akal atau mentafsirkannya menerusi syarak dengan pengertian bahawa mereka memahami al-Quran hanya dengan akal dan tidak memerlukan syarak atau sebaliknya mereka dalam mentafsir al-Quran memerlukan pendekatan syarak yakni dalil-dalilnya sedangkan akal hanya sebagai alat?

Sebagai contoh, dalam mentafsir lafaz '*jin*' dalam al-Quran, jika kita mentafsirkannya hanya menggunakan akal, maka kita akan berpendapat seperti yang difahami oleh golongan Mutazilah yang tidak mempercayai kewujudan '*jin*' kerana ia tidak masuk akal. Termasuk dalam golongan ini adalah aliran tafsir Muhammad Abduh yang melihat faktor bahasa hanya dilengkapkan perbahasannya selagi ada kaitan makna tafsiran dengan kata yang ditafsirkan, sedangkan yang berkaitan dengan sesuatu yang tidak difahami akal maka akan ditakwil agar sesuai dengan fahamannya tanpa merujuk kepada dalil-dalil syarak.

Oleh itu, kata '*jin*' yang bererti sesuatu yang tertutup, ditafsirkan oleh muridnya, Rasyid Ridha sebagai kuman yang tertutup (tidak terlihat oleh pandangan mata). Pendapat ini mirip dengan pendapat Binti al-Syati, Aisyah Abdul Rahman yang secara tegas menyatakan pengertian perkataan '*jin*' tidak semestinya difahami terbatas pada apa yang biasa difahami mengenai makhluk halus yang terlihat pada saat seseorang ketakutan pada waktu malam atau dalam ilusinya. Bagaimanapun, pengertiannya mencakupi segala jenis bukan manusia yang hidup dalam alam yang tidak terlihat, tidak terjangkau, dan berada di luar alam



manusia.<sup>10</sup> Sebaliknya, bagi yang menggunakan dalil-dalil syarak dalam mentafsir perkataan 'jin' ia akan difahami sebagaimana ditegaskan dalil syarak yakni al-Quran dan hadis iaitu makhluk yang dicipta oleh Allah daripada api. Mereka tidak menyerahkan sepenuhnya kepada akal tetapi menjadikan akal sebagai alat untuk memahami al-Quran.

Perbezaan di kalangan ulama Islam seperti dalam kategori di atas sudah wujud dari awal sejarah kemunculan Islam. Perbezaan antara tafsir yang wujud pada zaman Rasulullah dan sesudahnya adalah pada zaman nabi penjelasan langsung dibuat oleh Baginda seperti disebut al-Quran dalam ayatnya yang bermaksud: "...dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya,"<sup>11</sup> dan dijelaskan dalam hadis Nabi yang bermaksud: "Sesungguhnya diberikan kepadaku al-Quran dan yang serupa dengannya (yakni hadis)."<sup>12</sup>

Apabila kita menggunakan akal kita saja dalam memahami al-Quran dengan tanpa merujuk kepada dalil-dalil syarak sudah tentu ajaran Islam tidak seindah dan sempurna yang ada sekarang.

Sebagai contoh ketika kita membaca terjemahan ayat dirikanlah sembahyang kemudian maknanya diserahkan kepada akal dan menidakkan syarak maka setiap orang akan sembahyang setakat pemahamannya tanpa ada takbir, membaca surah al-Fatihah, rukuk, sujud, duduk tasyahhud dan taslim seperti diajarkan al-Sunnah. Jika demikian yang terjadi maka akan hancur dan porak peranda Islam kerana masing-masing akal akan menganggap dialah yang paling benar. Di sinilah rahsia keunikan ucapan imam ulama tafsir, Makhul yang menyatakan: "al-Quran lebih memerlukan al-Sunnah daripada al-Sunnah memerlukan al-Quran."<sup>13</sup> Oleh itu, kedudukan al-Sunnah adalah sangat penting dalam Islam kerana di telapak tangannya kesempurnaan ajaran Islam.

Syaitan sebagai musuh anak Adam yang ditetapkan Allah *Subhanahu Wata'ala* sejak dulu lagi cuba menyesatkan mereka. Penyesatan berkenaan mempunyai kepelbagaian termasuk dalam menanamkan pendapat dan fikiran pada diri manusia agar mereka menggunakan akal saja dalam memahami al-Quran dan tidak perlu kepada dalil-dalil syarak

<sup>10</sup> Rujuk: *Kebebasan dan Pembatasan dalam Tafsir*.

<sup>11</sup> Surah al-Nahl: 44.

<sup>12</sup> Hadis riwayat Abu Daud, no 4604; Ahmad, 4/130.

<sup>13</sup> Lihat: al-Qurtubi, *al-Jami'*, 1/39.

yang lain sehingga mereka akan sesat dan menyesatkan. Ibn al-Qayyim berkata: "Hendaklah anda tahu bahawa iblis yang sungguh sedaya upaya untuk membelit manusia, dosanya yang pertama sekali ialah kekeliruannya terhadap perintah (Allah *Subhanahu Wata'ala*), sehingga membelakangkan perintah yang sudah jelas menyuruhnya bersujud (kepada Adam), lalu ia mula membandingkan dalam hal asal kejadiannya dengan manusia, lalu dia berkata: "Engkau (Tuhan) menjadikan aku daripada api sedangkan Engkau menjadikan dia (Adam) daripada tanah."<sup>14</sup>

Ibn al-Qayyim menambah: "Ketahuilah bahawa apabila anak Adam diciptakan, dilengkapi padanya hawa nafsu dan syahwat untuk dia menikmati apa yang mendatangkan manfaat bagi dirinya. Dan diletakkan pula padanya sifat marah untuk menolak apa yang bakal mengganggunya. Kemudian dia diberikan akal sebagai pendidik dirinya, menyuruhnya berlaku adil dalam urusan apa yang mesti diambil dan apa yang mesti ditinggalkan.

Kemudian diciptakan syaitan baginya untuk menghasutnya tanpa tersekat-sekat dalam urusan apa yang diambilnya dan apa yang ditinggalkannya. Maka yang wajib atas orang yang berakal waras menjaga diri daripada musuh yang menyatakan permusuhannya dari zaman Nabi Adam AS. Musuh ini menghabiskan semua umurnya dan sedaya upaya dalam hal merosakkan semua urusan anak-anak Adam. Allah Taala juga memerintah Bani Adam supaya berhati-hati daripada hasutan syaitan, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: "Awat, jangan kamu mengikut langkah-langkah syaitan, sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi kamu. Sesungguhnya syaitan itu menyuruh kamu berbuat buruk dan keji (zina), dan supaya kamu mengatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu sendiri tiada mengetahui."<sup>15</sup>

Allah *Subhanahu Wata'ala* berfirman lagi yang bermaksud: "Syaitan itu sentiasa menjanjikan kamu kemiskinan dan menyuruh kamu melakukan perbuatan keji,"<sup>16</sup> dan firman-Nya lagi bermaksud: "Syaitan itu mahu menyesatkan mereka sejauh-jauh kesesatan,"<sup>17</sup> dan juga firman-Nya bermaksud: "Yang sebenarnya syaitan itu hendak menimbulkan permusuhan dan benci-membenci di antara kamu dalam hal minuman keras dan bermain judi, dan menghalang kamu daripada mengingat

---

<sup>14</sup> Surah Shad: 76.

<sup>15</sup> Surah al-Baqarah: 168-169.

<sup>16</sup> Surah al-Baqarah: 268.

<sup>17</sup> Surah al-Nisa': 60.

*Allah dan mengerjakan solat, apakah masih kamu tidak mahu berhenti?"<sup>18</sup>*

Dengan menggunakan akal saja dalam mentafsir al-Quran maka terbuka luas perangkap syaitan kepada manusia. Salah satu fenomena tafsiran menggunakan akal saja adalah mentafsir al-Quran menerusi terjemahan ayat-ayat al-Quran tanpa merujuk kepada bahasa asalnya yakni bahasa Arab kerana menurut mereka, terjemahan al-Quran sudah memadai untuk memahami Islam sebenar. Jika ini yang terjadi maka janji Rasulullah dalam hadis masyhur yang bermaksud: "*Jika sesuatu perkara itu diserahkan kepada bukan ahlinya, maka tunggulah suatu kehancuran akan berlaku*".<sup>19</sup> Itulah yang berlaku pada sesetengah golongan umat yang menjauhi ahli pentafsir al-Quran.

*Wallahu alam.*

---

<sup>18</sup> Surah al-Maidah: 91.

<sup>19</sup> Hadis riwayat al-Bukhari, no 59.

## Merealisasikan Konsep 'Tawasau Bilhaq'<sup>20</sup>

SEPERTI dinyatakan Imam al-Tabrani bahawa Ubaidullah bin Hafs berkata: "(Adalah menjadi amalan) Apabila dua sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam saling berjumpa, mereka tidak akan berpisah kecuali selepas masing-masing membaca surah al-'Asr kemudian mereka saling memberi salam." Imam al-Shafi'i juga pernah berkata: "Seandainya manusia memerhati dengan saksama (*tadabbur*) apa yang ada dalam surah ini (al-'Asr) maka ia sudah memadai untuk menjadi panduan hidup mereka supaya hidup selamat dan bahagia."<sup>21</sup>

Itulah satu daripada beberapa fadilat surah al-'Asr yang bermakna 'Masa' bermaksud: "Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."<sup>22</sup>

Imam Shafi'i benar dan sangat tepat merangkumkan surah ini dengan sifat yang demikian kerana kerugian manusia hanya boleh diubati dengan empat perkara dalam surah berkenaan iaitu iman, amal salih, saling berpesan dalam kebenaran dan kesabaran.

Satu pertanyaan, sebelum melanjutkan tulisan ini, yang boleh diketengahkan sempena riwayat al-Tabrani di atas adalah: "Adakah sahabat Baginda melakukan suatu bidaah dengan membaca surah al-'Asr ketika mereka akan berpisah?" Bida'ah membaca surah al-'Asr selepas mengadakan sesuatu majlis perjumpaan seperti mesyuarat dan pengajian yang biasa umat Islam di rantau ini pernah berlaku kepada penulis. Ketika itu beberapa sahabat dari negara Teluk menegur penulis kerana mengakhiri sesi mesyuarat dengan membaca surah al-'Asr seperti yang lazim kita lakukan dan mereka tidak lakukan di sana. "Tidakkah lebih baik membaca tasbih kaffarah al-majlis sebagai sunnah daripada membaca surah berkenaan," kata mereka. Menurut pandangan atau pendapat mereka, perbuatan itu adalah bidaah yang tidak pernah dilakukan Nabi. Penulis mendengarkan saja pandangan itu kerana memaklumi bahawa perbezaan pendapat dalam Islam adalah dibenarkan dan sehingga kini penulis tetap membaca surah al-'Asr apabila mengakhiri sesuatu majlis. Mereka ingin mempromosi pandangan mereka dengan menidakkan pandangan orang lain. Bukankah ini juga suatu bidaah, bahkan satu penyelewengan ajaran agama Islam yang

<sup>20</sup> Berita Minggu, 9/9/07, hal. 15.

<sup>21</sup> Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir, III/674.

<sup>22</sup> Ayat: 1-3.

suci, penuh kedamaian, saling menghormati dan bertimbang rasa, serta tidak memaksa kehendak sesuatu pendapat dalam arena ijtihad?

Kita kembali kepada surah al-'Asr khususnya syarat nombor tiga yakni '*tawasau bilhaq*' jika kita ingin tidak termasuk dalam golongan orang yang rugi. Saling berpesan dalam kebenaran ini tergambar dalam keberadaan umat Islam dengan bentuk khas, ikatannya yang istimewa, dan arahnya sama. Umat yang berasakan keberadaannya seperti mereka berasakan kewajibannya, mengerti hakikat sesuatu yang harus diutamakan, yang bersumber daripada iman dan amal salih, yang meliputi masalah kepemimpinan manusia pada jalan iman dan amal salih, kemudian saling menasihati dengan nasihat yang dapat membangkitkan semangatnya untuk memegang amanah terbesar.

Daripada perkataan '*tawasi*', saling berpesan menerusi makna, tabiat, dan hakikatnya, menggambarkan umat yang harmoni dan saling bertanggungjawab. Umat pilihan, umat yang baik, umat yang penuh pengertian, umat yang bermutu di muka bumi dengan berpegang dan menegakkan kebenaran, keadilan dan kebaikan. Ia adalah gambaran paling tinggi dan paling indah bagi umat pilihan. Demikianlah yang dikehendaki Allah daripada umat Islam. Ia menghendaki umat Islam sebagai umat terbaik, kuat, penuh pengertian, cekap, sensitif terhadap kebenaran dan kebaikan dan saling menasihati untuk mentaati kebenaran, yang dilakukan dengan penuh kasih sayang, penuh solidariti, tolong-menolong dan penuh rasa persaudaraan, yang selalu disiram dengan kata '*tawasi*' dalam al-Quran.

Ajaran '*tawasau bilhaq*' yang ditekankan al-Quran ini diingatkan semula oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada awal minggu ini. Ketika memberi ucapan pada Forum Antarabangsa Mengenai Deklarasi Makkah Isnin lalu, beliau berkata: "Banyak deklarasi serius sebegini menjadi lapuk dalam lipatan sejarah kerana semangat untuk melaksanakannya lemah dan langkah susulan semakin mengendur... Deklarasi Makkah tidak patut menemui nasib yang sama."

Perdana Menteri berkata demikian kerana memandangkan selepas hampir 20 bulan penerimaan Deklarasi Makkah pada Disember 2005, negara Islam masih tidak dapat bergerak melepasi peringkat persediaan perancangan dan penyelarasan.

Pada 7 hingga 8 Disember 2005, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang Malaysia menjadi Pengerusinya mengadakan Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC kali ketiga di al-Safa Palace, di tepi Masjidil Haram,

Makkah,

Arab

Saudi.

Pada sesi penutupan sidang kemuncak luar biasa itu, Setiausaha Agung OIC, Profesor Ekmeleddin Ihsanoglu berkata, Deklarasi Makkah yang diluluskan pemimpin Islam itu antara lain menyentuh cadangan memperkenalkan undang-undang anti-keganasan di negara Islam dan menghapuskan Islamofobia (ketakutan terhadap umat Islam). Ia juga menyentuh soal pendidikan; pengeluaran fatwa; isu Palestin dan Baitulmaqdis; meningkatkan imej Islam; mengukuhkan perpaduan dan kesatuan; keganasan dan kekerasan di Iraq; isu pergolakan dan kekejaman di Kashmir, Somalia, Armenia dan Azerbaijan serta Cyprus dan Turki; selain menghapuskan kemiskinan, penyakit dan buta huruf.

Turut diluluskan ialah cadangan penubuhan badan bebas untuk membantu negara anggota merealisasikan agenda hak asasi manusia di negara Islam. Pada sidang kemuncak itu, Turki turut mencadangkan supaya diadakan persidangan mengenai wanita yang sering menjadi isu di kalangan negara Islam. Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC itu dirasmikan penutupannya oleh Raja Abdullah Abdul Aziz.

Pada forum tiga hari bertemakan Melaksanakan Agenda Ekonomi Dunia Islam yang dianjurkan Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan dihadiri kira-kira 84 cendekiawan Islam dari seluruh dunia termasuk dari Amerika Syarikat dan United Kingdom itu, Perdana Menteri mencadangkan lima perkara asas iaitu mengekalkan semangat politik secara kolektif; memulakan pembaharuan dalam fikiran dan hati; mengiktiraf kepentingan pembangunan modal insan; memperuntukkan sumber yang diperlukan; serta menggerakkan komuniti antarabangsa dan bekerjasama dengannya bagi meningkatkan kebajikan ummah. "Sudah tiba masanya negara anggota OIC memainkan peranan aktif mereka dan terus komited dalam jangka panjang," tegasnya.

Seorang pemikir dan pendakwah Islam terbilang masa kini dan adalah satu-satunya Muslim bukan-Arab yang menganggotai akademi Bahasa Arab berprestij di Syria serta penulis buku *Maza Khasira al-'Alam bi Inkhitat al-Muslimin* (Apa yang dirugikan dunia dengan kemunduran umat Islam), Abul Hasan an-Nadawi berkata, "Kaum muslimin sudah lahir dan memimpin dunia serta melepaskan bangsa yang tertipu daripada kepemimpinan manusia yang mengeskploitasi dan bertindak buruk terhadapnya, dan mereka memandu manusia untuk menempuh jalan kehidupan dengan cepat, seimbang dan adil.

Banyak sifat yang mereka miliki yang menjadikan mereka layak memimpin bangsa ini serta dapat menjamin kebahagiaan dan

keberuntungan mereka di bawah naungannya dan di bawah kepemimpinannya:

- Pertama, mereka memiliki kitab dan syariat yang diturunkan dari Tuhan. Maka mereka tidak membuat undang-undang dan syariat berdasarkan keinginan hawa nafsu, kerana nafsu itu adalah sumber kejahatan, kekeliruan dan kezaliman.
- Kedua, mereka tidak mengendalikan pemerintahan dan kepemimpinan tanpa pendidikan akhlak dan membersihkan jiwanya.
- Ketiga, mereka bukan pelayan suku tertentu dan bukan utusan bangsa atau negeri tertentu, yang mengusahakan kemakmuran dan memenuhi kepentingannya saja dan bukan hanya untuk mengamankan kelebihan dan keunggulannya atas bangsa dan negara lain. Mereka hanya ditugaskan untuk membebaskan manusia daripada menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah.
- Keempat, tidak akan dijumpai tamadun yang baik dan salih, kecuali bila dibimbing oleh keseimbangan beragama, moral, fikiran dengan fisik, yang dengannya manusia dapat dengan mudah mencapai kesempurnaan kemanusiaannya.

Perdana Menteri pada forum yang sama membayangkan kembali umat Islam supaya menjadi seperti yang disebutkan An-Nadawai yang menyeru negara anggota OIC memperkukuhkan hubungan dan mengetepikan perbezaan antara mereka serta bersatu dalam bidang intelektual dan ekonomi.

"Selepas beratus-ratus tahun berhadapan dengan kemunduran, umat Islam perlu bersedia untuk melaksanakan usaha luar biasa dalam meningkatkan kesejahteraan ummah," katanya.

Seruan demi seruan dikumandangkan dalam pelbagai perhimpunan demi maruah umat. Gesaan demi gesaan dibuat dalam setiap persidangan demi memartabat semula umat. Doa demi doa dipanjatkan dalam setiap kesempatan demi keselamatan umat. Tetapi, belum satu pun hasil yang nampak dengan jelas oleh kita. Maka, demi mengamalkan konsep '*tawasau bilhaq*' mungkinkah kita masih termasuk dalam golongan yang disebutkan Baginda Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* maksudnya: "*Hampir tiba suatu masa di mana bangsa di seluruh dunia akan datang mengerumuni kamu bagaikan orang yang hendak makan mengerumuni talam hidangan mereka.*"

Maka seorang sahabat bertanya, "Apakah kerana kami sedikit pada hari itu?" Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab, "Bahkan kamu pada hari itu banyak sekali, tetapi kamu umpama buih pada waktu banjir dan Allah akan mencabut rasa gerun terhadap kamu daripada hati musuh kamu dan Allah akan mencampakkan ke dalam hati kamu penyakit 'wahan'". Seorang sahabat bertanya, "Apakah wahan itu wahai Rasulullah?" Nabi menjawab, "Cinta pada dunia dan takut pada mati".<sup>23</sup>

*La haula wala quwwata illa billah.*

---

<sup>23</sup> Hadis riwayat Abu Daud, no 4297.



## Seleweng Maksud Al-Quran Punca Islamofobia<sup>24</sup>

DAKAR satu nama yang melekat dalam minda penulis sejak beberapa dekad lalu. Di bangku sekolah, nama itu sering disebut dalam mata pelajaran geografi dan ketika belajar di Kuwait, nama ibu kota Senegal itu terus bermain di bibir penulis kerana ramai pelajar dari negara itu belajar di negara Teluk.

Kini Dakar muncul lagi apabila ibu negara Senegal itu dipilih sebagai tuan rumah sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Kali Ke-11 yang bermula pada 13 Mac lalu dan berakhir hari ini.

Antara perbahasan yang menyentuh kepentingan umat Islam semasa ialah isu Islamofobia di Barat yang tidak pernah reda bahkan dikatakan semakin menjadi-jadi. Entah disengaja atau tidak, ketika umat Islam sedang bersiap-siap menyambut kedatangan Rabiulawal di mana kita akan meraikan Hari Keputeraan Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam*, akhbar di Denmark bulan lalu mencetak semula karikatur Baginda memakai serban berbentuk bom dengan fuis di atasnya, selepas dakwaan wujud satu rancangan untuk membunuh pelukis karikatur berkenaan.

Di Belanda, Geert Wilders, seorang ahli perundangan membuat filem dokumentari mengenai al-Quran yang didakwanya sebagai pencetus keganasan dan mengajak umat manusia sering bermusuhan. Apa salahnya al-Quran? Sungguh suatu tuduhan keji yang tidak akan pernah dikatakan oleh seorang manusia kecuali orang itu menghidap penyakit mental yang teruk.

Jika kita tanyakan kepada fikiran waras manusia apakah faedahnya kedua-dua perbuatan itu, sudah tentu jawapannya adalah negatif kerana di samping tidak memberi sebarang faedah, ia akan memicu untuk memanjangkan lagi pertembungan Barat dan Islam.

Antara perkara yang ditegaskan dalam perhimpunan 57 negara itu adalah perbuatan 'Islamofobia' melanggar peraturan antarabangsa, melarang sebarang bentuk penghinaan terhadap kepercayaan mana-mana agama walaupun berselindung di sebalik kebebasan bersuara.

Perbuatan Wilders sebenarnya bukan perkara baru. Ia adalah satu mata

---

<sup>24</sup> *Berita Minggu*, 16/3/08 hal. 15.

rantai yang telah berguling sejak diutusnya Muhammad *Sallallahu Alaihi Wasallam* sebagai nabi dan rasul. Sejak diturunkan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* sebagai petunjuk dan rahmat bagi alam, al-Quran telah ditentang kebenarannya oleh orang kafir dan musyrik Quraisy di Makkah. Mereka tidak hanya mencaci wahyu Allah itu, malah menudingnya sebagai cerita dongeng. Dalam al-Quran dikatakan maksudnya: "*Dan orang kafir itu berkata: "(al-Quran) ini hanyalah satu perkara dusta yang direka-reka oleh Muhammad, dan dia dibantu membuatnya oleh kaum yang lain". Maka (dengan kata-kata itu) sesungguhnya mereka telah mendatangkan satu tuduhan yang zalim dan dusta. Dan mereka berkata lagi: "Al-Quran itu adalah cerita dongeng orang dahulu kala, yang diminta oleh Muhammad supaya dituliskan, kemudian perkara yang ditulis itu dibacakan kepadanya pagi dan petang (untuk dihafaznya)?"*"<sup>25</sup> Dalam ayat lain disebutkan maksudnya: "*Apabila dibacakan kepadanya ayat keterangan Kami, dia berkata: "(Ini ialah) cerita dongeng orang dahulu kala."*"<sup>26</sup>

Ketika Nabi *Sallallahu Alaihi Wasallam* dan sahabatnya berhijrah ke Madinah, cercaan terhadap al-Quran berterusan. Orang kafir, kelompok Yahudi dan Kristian sekata menolak dan meragukan kebenaran ayat Allah *Subhanahu Wata'ala*. Hal ini dapat dimengerti kerana di antara tujuan kedatangan al-Quran adalah mengulangkaji dan meluruskan penyimpangan akidah dan pandangan hidup mereka.

Penentangan dan penolakan terhadap al-Quran dengan dua sebab di atas terus berlanjutan. Sebagai contoh, Leo III, Kaisar Bizantium (717-741) ketika menjawab surat yang dihantar Khalifah Umar ibn Abul Aziz berkata: "*Mengenai kepunyaan mu (al-Quran), kamu telah memberikan contoh yang salah, dan orang tahu, antaranya bahawa al-Hajjaj di mana kamu menyebutnya sebagai Gabenor Persia, menyuruh orang untuk menghimpun buku kuno, yang kemudian dia ganti dengan yang lain yang dikarangnya sendiri, menurut seleranya, dan kemudian dia propagandakan di mana-mana dalam bangsamu."*<sup>27</sup> Dalam surat balasan Leo III ini menunjukkan dia menuduh al-Quran kitab dikarang oleh manusia.

Ramai ahli sejarah dan perbandingan agama seperti dilaporkan eramuslim.com pada 1 Disember tahun lalu, menyatakan Injil ditulis dan disusun bukan pada zaman Nabi Isa AS, tapi ia dikerjakan setelah 200

<sup>25</sup> Surah al-Furqan: 4-5.

<sup>26</sup> Surah al-Qalam 15.

<sup>27</sup> Adnin Armas, (2004), *Metodologi Bibel dalam Studi Al-Quran*.

tahun nabi Isa diangkat ke langit. Penulisan berkenaan mempunyai pelbagai versi dari paderi Kristian.

Ada menyebut 65 sampai 73 penulis, tapi disepakati hanya empat iaitu Matius (satu daripada kelompok Hawariyyun); Markus (mengenal nabi Isa AS melalui Batres di akhir masa hidupnya); Lukas (Injil lebih banyak dipengaruhi budaya Yunani); dan Barnabas.<sup>28</sup>

Dari penelitiannya itu, al-Sahmarani menyimpulkan, wajar saja bila dalam Injil terjadi pelbagai macam penyimpangan dan kekeliruan. Dalam bukunya yang terbaru, *The Biographical of Bibel* (2007), Karen Amstrong, menjelaskan, revisi dan kritik terhadap Injil itu terus berlarutan, dan yang paling serius dimulai oleh Baruch Spinoza.

Selepas 23 tahun surat Leo III itu, Johannes al-Dimasyqi juga datang bertanyakan kebenaran al-Quran. Dia menuduh Islam sebagai satu daripada aliran bidaah. Dia menuduh: "Muhammad menulis banyak cerita bodoh, yang setiap satu daripadanya, dia lengkapi sebelumnya dengan judul. Misalnya, perbincangan mengenai wanita, di mana dia jelas membenarkan seseorang untuk memiliki empat isteri dan seribu gundik jika sanggup, sebanyak yang dia mampu menjaga mereka di samping empat isteri," tuduh Johannes.<sup>29</sup>

Kemudian Abdul Masih al-Kindi (873) juga ikut tersenarai dalam kelompok pencetus Islamofobia apabila dia mendakwa bahawa setelah Muhammad wafat, al-Quran diubah oleh Abdullah bin Salam bin Kaab.

Memasuki abad ke-10, penentang al-Quran semakin bertambah dengan pelbagai cara dan bentuk. Kali ini muncul nama Petrus Venerebalis (1094-1154). Dia adalah Ketua Gereja Cluny di Perancis. Melalui dana yang besar, dia menugaskan sejumlah orang dalam sebuah pasukan terjemahan al-Quran. Usaha terjemahan oleh Robert Ketton dalam bahasa Latin ini dinilai berhasil walaupun banyak penyimpangan di dalamnya.

Susah payah Ketton inilah kemudian dijadikan rujukan terjemahan ke bahasa Itali, Jerman dan Belanda.

Selama 600 tahun kemudian, terjemahan Ketton itu dijadikan sumber rujukan misionaris, paderi, pastor dan lainnya untuk menentang al-Quran. Mereka antara lain, Martin Luther (1483-1546) dan Hugo Grotius (1583-

<sup>28</sup> Lihat: Dr Ahmad al-Samhrani (2001), *Al-Bayan fi Muqaranah al-Adyan*.

<sup>29</sup> Adnin Armas, *Metodologi Bibel*.

1645).

Sampai di sini, niat Petrus dianggap telah berhasil. Sebab, sejak awal motif Petrus membuat membentuk pasukan terjemahan al-Quran untuk membaptis pemahaman kaum muslimin terhadap al-Quran.

Dan sekitar 200-300 tahun kemudian, usaha Petrus itu berhasil. Sudah ratusan sarjana Muslim yang dicetak (disekolahkan dan dididik) oleh Barat menjadi pengikut mereka. Kini mereka menjadi penyebar dan penentang al-Quran sebagaimana kafir Quraisy, kaum Yahudi dan Kristian.

Di antara mereka sudah tidak lagi percaya pada hukum faraid yang diatur secara terperinci dalam al-Quran. Mereka juga menghalalkan pernikahan sesama jenis. Dan mereka juga menyamakan semua agama. Demikian laporan dalam eramuslim.com.

Kita jawab perbuatan mempertikaikan al-Quran yang dilakukan oleh minoriti bising itu sama dengan jawapan al-Quran yang diberikan kepada Junjungan kita ketika berdepan dengan minoriti Islamofobia pada masa itu. Kita katakan kepada mereka maksudnya: *"Katakanlah (wahai Muhammad): Al-Quran itu diturunkan oleh Allah yang mengetahui segala rahsia di langit dan di bumi; sesungguhnya adalah Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*<sup>30</sup> Semua dakwaan di atas yang tidak berasas dan salah adalah bukti kewujudan Islamofobia yang dibawa oleh segelintir manusia yang berkuasa demi mengheret majoriti senyap untuk berhadapan dengan kebenaran al-Quran sebagai kitab panduan umat Islam. Mereka tahu bahawa dengan mengadakan propaganda yang menggoncang kedudukan al-Quran, maka mereka dengan mudah memenangi pertempuran minda yang boleh membawa kepada konflik bersenjata dan menumpahkan darah.

Pendirian majoriti senyap adalah pendirian sebenar daripada sesebuah masyarakat yang berjalan di atas landasan yang benar dan lurus. Minoriti bising pula adalah suatu wabak penyakit yang boleh memesongkan perjalanan dan menggugat keharmonian dan perpaduan. Jika tidak ada penerbitan semula kartun yang didakwa gambar Nabi dan juga filem pendek menghina al-Quran yang dilakukan minoriti bising Islamofobia akankah terjadi keresahan dan ketegangan di kalangan majoriti senyap warga masyarakat dunia?

---

<sup>30</sup> Surah al-Furqan: 6.

## BAHAN BACAAN

- Al-Quran al-Karim dan terjemahannya.
- Abdullah Basemeh. (1980) *Tafsir Pimpinan Arrahman*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri)
- Abdul Ghaffar Shukr (2005), *Nash'ah wa Tatawwur al-Mujtama' al-Madani*.
- Abdul Halim Mahmud. (1997). *al-Israk wa al- Mikraj*. (Cairo: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah)
- Abdul Hamid Mutawalli. (1978). *Mabadi' Nizam al-Hukm fi al-Islam*, cet. 4 (Iskandariyyah: Mansha'ah al-Ma'arif)
- Abu Daud, Sulaiman. (1952). *Sunan Abi Daud* (Cairo: Mustafa al-Babi al-Halbi)
- Abu al-Hasan Ali bin Muhammad al-Mawardi. (1989). *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah* terj. Uthman bin Hj Khalid (Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tradisional Islam)
- Adnin Armas, "Metodologi Bibel dalam Studi Al-Quran", *Republika*, 29 November 2004.
- Ahmad Ibn Hanbal. (t.t). *al-Musnad* (Beirut: Dar al-Sadir)
- Aidh al-Qarny. (2004). *Jangan Bersedih*. (Jakarta: )
- Ali Ahmad al-Jarjawi. (t.t). *Hikmah al-Tashri' wa Falsafatuhu* (Jakarta: Dar al-Fikr)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1989). *Kamus Dewan*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)
- Dr Ahmad al-Samhrani (2001), *Al-Bayan fi Muqaranah al-Adyan*.
- Faidullah al-Maqdisi. (1409/1989). *Fath al-Rahman li Talib Ayat al-Quran*. (Beirut: Dar al-Fikr)
- Al-Hakim, Muhammad ibn Abdullah. (1411/1990). *al-Mustadrak 'Ala al-Sahihain*. (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.)
- Hasan al-Shazili. (1980), *al-Madkhal li al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Tiba'ah al-Hadithah)
- Ibn Kathir, Ismail. (1990). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. (Beirut: Dar al-Khair)
- Ibn Khaldun, Abdurrahman. (1993). *Al-Muqaddimah*. (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah)
- Ibnu Asakir, Ali ibn Hasan. (1995). *Tarikh Madinah Dimashq*. (Beirut: Dar al-Fikr al-Arabi)
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (1372H). *Sunan Ibn Majah* (Cairo: Isa al-Babi al-Halabi)
- J. Suyuthi Pulungan. (2002). *Fiqh Siyasah: Ajaran, Sejarah, dan Pemikiran*. Cet. 5. (Jakarta: PT Raja Grafindo Persada)
- Luay Safi. (2001). *al-'Aqidah wa al-Siyasah: Maalim Nazariyah Ammah Lil-Dawlah Al-Islamiyah* . Dar al-Fikr al-Mu'asir